



Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

29-01-2018

addin

19

HARIAN METRO

Jika diamati sirah Rasulullah SAW dalam proses hijrah, perancangan menyebarkan dakwah di bumi Madinah banyak dibantu sahabat baginda yang sentiasa berada di sisinya.

Pengorbanan sahabat seperti Saidina Abu Bakar misalnya membantu Rasulullah mengembangkan Islam di luar kota Makkah.

Allah SWT menjelaskan sifat sahabat Rasulullah yang hebat. Mereka memainkan peranan besar membantu Rasulullah menjalankan amanah sebagai nabi dan rasul.


Firman Allah di dalam al-Quran bermaksud: "Muhammad ialah utusan Allah dan orang yang bersama dengannya bersikap keras terhadap orang kafir (yang memusuhi Islam) dan sebaliknya bersikap kasih sayang antara mereka (umat Islam). Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurniaan Allah dan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang yang soleh) terdapat pada muka mereka, daripada kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas)." (Surah al-Fath, ayat 29)

Begitu besarnya peranan sahabat Rasulullah. Hidup mereka dimanfaatkan sepenuhnya bersama-sama Rasulullah untuk menyebarkan Islam.

Suka dan duka diharungi bersama tanpa mengharapkan balasan dunia. Akhirnya, Allah

Kemanisan persahabatan

■ Rasulullah ajar sentiasa bantu-membantu kerana setiap Muslim itu bersaudara



menjanjikan syurga buat mereka.

Perkara itu dijelaskan Allah dalam firman-Nya yang bermaksud: "Dan orang terdahulu yang lebih awal masuk Islam iaitu Muhajirin dan Ansar, dan golongan yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (imani dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Allah, serta Allah menyediakan untuk mereka syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya, itulah kemenangan yang besar." (Surah al-Taubah, ayat 100)

Rasulullah mengajar supaya sentiasa

bantu-membantu kerana setiap Muslim itu bersaudara. Bukan hanya menjalinkan ikatan persahabatan, lebih daripada itu adalah ikatan persaudaraan.

Persaudaraan sesama Muslim didasari asas akidah Islamiah menjadikan hubungan sentiasa harmoni dan diberkati.

Sabda Rasulullah yang bermaksud: "Orang Mukmin bagi orang Mukmin yang lain itu laksana satu binaan, yang sebahagiannya memperkuat sebahagian yang lain." (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Perumpamaan

orang Mukmin dalam berkasih-sayang dan perasaan belas kasihan, dan rasa simpati mereka adalah seperti tubuh badan yang satu, apabila satu anggota mengadu sakit, maka seluruh badan turut merasai keletihan dan tidak sihat."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sahabat terbaik sepatutnya berperanan membawa sahabatnya ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Pepatah Arab ada menyebut: "Sebaik-baik teman rapat ialah yang menunjukkan kamu kepada kebaikan."

Selain itu, keperibadian seseorang juga dinilai berdasarkan siapa

sahabatnya. Jika kita mampu menjadi sahabat yang baik, ia turut membawa kebaikan buat sahabat di sekeliling kita.

Rasulullah bersabda yang maksudnya: "Seseorang itu bergantung kepada agama sahabatnya. Kerana itu, perhatikanlah setiap seorang di antara kalian dengan siapa dia bersahabat." (Hadis Riwayat Abu Dawud)

Hadis berkenaan memberi petunjuk, sahabat memberi pengaruh besar dalam menilai keperibadian seseorang. Kita perlu berkawan dengan semua golongan.

Jika dalam ramai sahabat kita itu ada yang kurang



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampau dalam menuntut balas bunuh itu kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum syarak)

(Surah al-Israa', ayat 33)

baik akhlaknya, menjadi tanggungjawab kita membawanya ke arah kebaikan.

Jika tidak mampu mengubahnya, pastikan diri kita tidak terjebak sama dalam kemungkaran yang dia dilakukan.

Bersahabat perlu sentiasa ikhlas. Sentiasa mendoakan kesejahteraannya, menziarahinya ketika sakit, menasihatinya apabila diperlukan, berkongsi kegembiraan serta bertanya khabar ketika berjumpa.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu